

LAPORAN KAJIAN RINTIS PROGRAM PEDAGOGI HIKMAH DI SEKOLAH TERPILIH DAERAH GOMBAK

Bagi Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif, Kolaboratif,
Komunikasi dan Kepedulian



Rosnani Hashim
Suhailah Hussien
Madiah Khalid
Wan Mazwati Wan Yusof
Rosemaliza Kamalludeen
Hafizhah Zulkifli

Pusat Pengajaran Berfikir (CTT), Kulliyah Pendidikan UIAM
dengan kerjasama
Bahagian Pendidikan Guru, KPM
& Pejabat Pendidikan Daerah, Gombak
2017

ABSTRAK

Pendidikan Abad ke 21 mengalami perubahan yang amat ketara kesan daripada kewujudan pelbagai teknologi maklumat dan komunikasi khususnya internet. Teknologi ini telah merubah peranan guru dan juga kemahiran yang perlu diajar. Penekanan pengajaran dan pembelajaran kini tertumpu kepada proses dan bukan lagi produk pelajaran. Bersesuaian dengan perkembangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan kemahiran berfikir kritis atau aras tinggi (KBAT) dan berusaha untuk menerapkannya dalam kalangan guru dan pelajar. Satu persoalan besar ialah apakah cara yang boleh digunakan untuk mencapai hasrat tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik keberkesanan Pedagogi Hikmah, satu variasi daripada pendekatan Philosophy for Children yang bersandarkan kepada penyolaan Sokratik dalam satu komuniti inkuiri.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan Ujian Pena'akulan Centre for Teaching Thinking (UPCTT) bagi pelajar, Ujian Thinking Style MSG bagi guru, Skor peperiksaan pertengahan dan akhir tahun dalam subjek yang diajar (ujian pra dan pasca) dan Skor kemajuan murid oleh guru dan murid sendiri. Kaedah kualitatif melibatkan temubual individu dan temubual berkelompok (PKF) bagi guru dan temubual berkelompok bagi sebilangan pelajar daripada setiap kelas yang terlibat. Seramai 11 orang guru daripada sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas bagi matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah, Sains dan Matematik terlibat dalam kajian ini. Guru-guru telah diberi kursus dalam Pedagogi ini selama 3 hari, demonstrasi dengan pelajar dan kemudian diselia selama sebulan. Tempoh kajian adalah selama 6 bulan tetapi pengajaran menggunakan Hikmah adalah untuk 3 bulan. Guru mengajar menggunakan pedagogi ini sekali dalam seminggu untuk 2 waktu berganding.

Hasil kajian menunjukkan bahawa beberapa subjek yang diuji di Sekolah Menengah Atas mencapai peningkatan markah yang signifikan iaitu Sejarah, Lisan Bahasa Inggeris, Lisan Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris Pemahaman. Peningkatan markah yang signifikan juga dapat dilihat bagi Sekolah Rendah bagi semua subjek yang diajar iaitu BI Karangan, BM Karangan, dan Pendidikan Islam. Bagaimana pun tidak terdapat peningkatan markah yang signifikan bagi Sekolah Menengah Rendah kecuali untuk kelas lemah. Ujian Thinking Style menunjukkan kebanyakan guru mempunyai gaya berfikir eksekutif yang dominan mengatasi gaya legislatif dan judiciary tetapi kedominanan eksekutif menyusut pada akhir kajian. UPCTT tidak dapat diuji sepenuhnya kerana data pasca sukar diperoleh.

Hasil kajian kualitatif mendapati bahawa semua kumpulan pelajar yang ditemubual secara berkelompok amat menggemari Pedagogi Hikmah kerana memberi mereka ruang untuk mengemuka dan bertukar pendapat, berbincang untuk lebih jelas dan menyokong pandangan dengan hujah yang kukuh. Mereka lebih yakin bercakap dan lebih beradab semasa berbincang dalam suatu komuniti inkuiri. Guru juga turut merasa keseronokan mengajar menggunakan pedagogi ini dan dapat melihat sendiri perubahan positif pelajar mereka dengan kurang mengantuk dan ponteng kelas, dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan yakin, dan bertanya soalan yang lebih bermakna. Mereka turut merasakan perubahan mengajar dari berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Guru menghadapi beberapa masalah khususnya dalam persediaan pengajaran dan juga dalam menghabiskan sukatan pelajaran tetapi ini mungkin dapat dielakkan apabila guru mahir dalam pedagogi ini dan juga KPM mengurangkan kandungan sukatan.

PENGHARGAAN

Kami merafakkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana atas limpah kurniaNya kajian ini selamat disempurnakan. Kajian ini juga telah mendapat sokongan daripada beberapa pihak yang turut membantu untuk menjayakannya. Pertama, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datuk Dr. Amin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia atas kepercayaan beliau dan memberi ruang kepada kami untuk melaksanakan kajian rintis menggunakan Pedagogi Hikmah dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru di beberapa buah sekolah di Daerah Gombak. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Sa'aid Momin, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Bina Upaya Keguruan atas sokongan beliau.

Kedua, jutaan terima kasih kami hулurkan kepada pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Gombak khususnya En Sajoli Masdor dan Pn Siti Azlina atas kerjasama membantu proses pemilihan beberapa buah sekolah untuk pelaksanaan projek Kajian Rintis Pedagogi Hikmah ini dan seterusnya kursus latihan untuk guru-guru yang terlibat.

Kami ingin juga menghulurkan ucapan terima kasih kepada kesemua Pengetua, Guru besar dan guru-guru yang terlibat khususnya, Puan Alimah, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Hillcrest, Puan Maimun, Pengetua Sekolah Menengah Gombak Setia dan Guru besar Sekolah Kebangsaan Gombak Satu yang memberi sokongan dan memudahkan perjalanan kajian dengan guru-guru yang terlibat di sekolah mereka.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru-guru yang terlibat dan juga pelajar mereka kerana pengalaman yang dilalui telah dapat menjalinkan hubungan persahabatan yang bermakna dan juga meningkatkan ilmu dan amalan pedagogi kedua-dua belah pihak. Muga-muga mereka dapat manfaat yang bermakna dan berharga daripada pengalaman kajian rintis ini.

Ahli panel penyelidikan kajian rintis Pedagogi Hikmah UIAM:

Prof Dr. Rosnani Hashim (Ketua Penyelidik)

Dr Suhailah Hussien

Dr Madihah Khalid

Dr Wan Mazwati Wan Yusoff

Dr Rosemaliza Mohd Kamalludeen

Pn Hafizhah Zulkifli

KANDUNGAN

1. Pendahuluan	1
2. Perspektif Guru tentang Pedagogi Hikmah	8
3. Perspektif dan Pengalaman Pelajar tentang Pedagogi Hikmah	13
4. Penilaian Kendiri Pelajar dan Penilaian Guru terhadap Pelajar	20
5. Kemahiran Pena'akulan, Komunikasi dan Pencapaian Akademik	33
6. Gaya Berfikir Guru	43
7. Cabaran dan Masalah yang dihadapi Guru dan Pelajar	49
8. Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan	55
9. Rujukan	60
10. Lampiran.	
Lampiran 1 Carta Gantt bagi Projek rintis	61
Lampiran 2 Soalan Temubual Individu Guru Fasa 1	62
Soalan Temubual Kumpulan Fokus Guru Fasa 2	63
Lampiran 3 Soalan Temubual Pelajar Fasa 2	64
Lampiran 4 Petikan Temubual Individu Guru Semua Sekolah Soalan 1	66
Lampiran 4b Sampel Temubual Individu Guru Ting 4 Fasa 1	71
Lampiran 5 Sampel PKF Guru SMK Gombak Setia	75
Lampiran 6 Sampel PKF Pelajar Tingkatan 4	86
Lampiran 7 Penilaian Kendiri Murid Sekolah Menengah	98
Lampiran 8 Penilaian Kendiri Murid Sekolah Rendah	99
Lampiran 9 Penilaian Murid oleh Guru	100
Lampiran 10 Sampel Ujian Pena'akulan CTT	101
Lampiran 11 Sampel Inventori Gaya Berfikir MSG	104